



Kami Sedia Membantu

Penyayang • Profesionalisme • Kerja Berpasukan



PIAGAM PELANGGAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kami warga Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak akan sentiasa komited dalam menyediakan perkhidmatan dan layanan yang berkualiti, cekap, mesra dan profesional serta pertimbangan yang adil dan saksama kepada semua pelanggan tanpa mengira umur, jantina, keturunan, agama atau taraf sosio-ekonomi. Bagi mencapai matlamat tersebut kami berjanji:

BIL	PIAGAM	SELIAAN
1.	Surat tiada halangan akan dikeluarkan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan dokumen lengkap bagi permohonan pendaftaran <ul style="list-style-type: none"> • Klinik Perubatan Swasta • Klinik Pergigian Swasta 	Program Perubatan
2.	Pemeriksaan Hospital dan Pusat Hemodialisis bagi pembaharuan lesen Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) dilakukan dalam tempoh empat belas (14) hari setelah semua syarat dipatuhi.	Program Perubatan
3.	Proses kerja Sokongan Teknikal Kesihatan bagi pendaftaran TASKA perlu diselesaikan dalam tempoh 14 hari selepas tarikh permohonan diterima sekiranya semua kehendak kesihatan di dalam senarai semak dilaksanakan.	Program Kesihatan Awam
4.	Permohonan lesen dan permit baru ubat terkawal diproses dan dikeluarkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen lengkap.	Program Farmasi
5.	Pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dijelaskan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap.	Program Pengurusan (Kewangan)
6.	Semua permohonan hal-hal perkhidmatan, penangguhan kerja dan pengesahan jawatan diproses dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas penerimaan dokumen lengkap.	Program Pengurusan (Sumber Manusia)
7.	Setiap aduan pelanggan yang diterima diberi maklum balas awal (akuan terima) dalam tempoh satu (1) hari bekerja dari tarikh aduan diterima.	Program Pengurusan (Komunikasi Korporat)
8.	Menguruskan permohonan penempatan Elektif Posting di Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak bagi pelajar Perubatan Luar/ Dalam Negeri dalam tempoh lima belas (15) hari bekerja dari penerimaan borang permohonan yang lengkap	Program Pengurusan (Latihan & Kompetensi)

KEWAJIPAN PELANGGAN

Kerjasama pelanggan adalah dipohon untuk membolehkan Kementerian Kesihatan Malaysia melaksanakan Piagam ini dengan berkesan dengan:

- (i) Mematuhi semua proses kerja, sistem dan peraturan yang digunapakai;
- (ii) Bersedia dengan maklumat dan dokumen-dokumen yang diperlukan yang betul dan lengkap;
- (ii) Menjaga kesihatan dirinya dan masyarakat dengan mengamalkan cara hidup yang sihat dan
- (iii) Menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan secara bertanggungjawab.